

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, May 28, 2019 4:07 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bersederhana Dalam Menyambut Aidilfitri



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

28 MEI 2019 / 23 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: JKPSRA Bank Rakyat

BERSEDERHANA DALAM MENYAMBUT AIDILFITRI



UUM ONLINE: Bahang persiapan menjelang Aidilfitri mula dirasakan apabila orang ramai mulai sibuk untuk mencari kelengkapan raya bagi menyambut kedatangan Syawal itu nanti.

Tidak ketinggalan juga bagi dua pelajar dari Inapan Siswa (INASIS) Bank Rakyat iaitu Nor Hidayah Huzaimah dan Muhammad Fikri Borhan, namun persiapan mereka berdua pada tahun ini hanya secara bersederhana sahaja memandangkan masing-masing sibuk mengulang kaji pelajaran bagi peperiksaan akhir yang sedang berlangsung.

Pelajar Semester Enam, Nor Hidayah berkata, dia akan mula bercuti bagi menyambut hari raya pada 31 Mei ini dan kembali semula ke kampus pada 10 Jun bagi menyambung menduduki peperiksaan akhir.

Katanya, sambutan Syawal sejak 2016 hanya secara sederhana sejak dia kehilangan ibu tercinta, Jesmaniah Idris yang meninggal dunia akibat penyakit buah pinggang.

"Sejak itu, hari raya saya dan keluarga mulai hambar tanpa kehadiran ibu, namun kami tetap meraikan Syawal di Kuala Lumpur dengan sederhana.

"Manakala pakaian baharu untuk raya ini sudah disediakan kakak dan abang ipar untuk kami adik-beradik termasuk ayah, Huzaimah Nik," kata anak kedua daripada tiga beradik itu.

Nor Hidayah dari Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) berkata, setiap kali tiba hari raya, dia terkenangkan hidangan atau juadah yang disediakan arwah ibunya iaitu rendang yang akan dimasak pada malam raya, selain menu kegemaran mereka adik-beradik seperti nasi impit dan kuah kacang serta lemak.

Menurutnya, tiga tahun beraya tanpa kehadiran ibu, kini tugas menyediakan juadah pada hari raya diambil alih kakaknya dan sedikit sebanyak ia mampu mengubati kerinduan kepada arwah.

Sementara itu, Muhammad Fikri dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz berkata, dia cuba membuat persiapan seawal mungkin bagi mengelakkan kelim-kabut, justeru pakaian baharu sudah dibeli sebelum sambutan Ramadan lagi.

"Setiap tahun, kami sekeluarga akan merancang memakai pakaian sedondon dan memandangkan saya dan dua lagi adik-beradik kini berada di universiti, kami terpaksa menunggu hari cuti yang membolehkan semua ahli keluarga ada bersama-sama untuk membeli kelengkapan raya.

"Saya akan pulang ke kampung di Bidor, Perak pada 2 Jun dan kembali ke kampus pada 10 Jun kerana perlu menduduki peperiksaan akhir, justeru persiapan raya pada tahun ini hanya ala kadar dan saya cuba membantu keluarga mengemas rumah walaupun sibuk mengulang kaji," kata pelajar Semester Dua itu.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.